



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 April 2024
24 Ramadan 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	Nelayan terjejas susulan kejadian kupang beracun
Berita Harian	
Harian Metro	Terpaksa 'puasa' kupang
Kosmo	
Sinar Harian	Lumpuh selepas jamah kupang bertoksik
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	DOF giat jalankan analisis kenal pasti keracunan kupang di Port Dickson
The Sun	Kupang beracun di PD: Keputusan analisis makmal diketahui esok - DOF
Malaysiakini	
Bernama	Kupang beracun di PD: Keputusan analisis makmal diketahui esok - DOF
Free Malaysia Today	Jabatan Perikanan Melaka arah henti sementara jual kupang
Guan Ming Daily	
Awani	

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL			18	4.4.2024

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Kejadian keracunan makanan kononnya akibat pengambilan kupang baru-baru ini, sehingga menyebabkan beberapa individu terpaksa dirawat di hospital, menyebabkan ramai penggemar makanan itu 'berpuasa' daripada mengambilnya.

Nelayan, Ayob Nasir, 67, berkata, Aidilfitri bakal menjelma tidak lama lagi dan ramai warga Port Dickson menjadikan rendang kupang atau kerang antara juadah istimewa setiap kali tibanya hari perayaan.

"Kes keracunan akibat kupang dan makanan berasaskan cengkerang belum pernah berlaku lagi sejak saya menjadi nelayan di Kampung Teluk, Pasir Panjang."

"Kami (nelayan) masih tidak tahu adakah kupang atau kerang yang menjadi

Terpaksa 'puasa' kupang

Penggemar makanan laut henti pengambilan sementara berikutan kes keracunan

PENTERNAK kupang, Othman Sulaiman, menunjukkan pancang kupang yang digunakan untuk memelihara kupang di Kampung Teluk, Pasir Panjang. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM



punca keracunan kerana ia masih disiasat pihak berkuasa.

"Setakat ini, kami diarahkan pihak berkuasa supaya menghentikan sementara pengeluaran kupang sebelum kajian punca ramai yang terjejas kesihatan sebaik memakan kupang baru-baru ini, selesai dijalankan," katanya ditemui di Jeti Kampung Teluk, di sini.

Menurutnya, kupang di Kampung Teluk memang terkenal dengan keenakannya dan sering menjadi pilihan pelanggan.

"Kami akur dengan arahan ini memandangkan ramai yang ditahan di hospital apabila diserang sakit perut, cirit birit dan lemah sendi.

"Kebetulan abang ipar saya yang berusia 64 tahun masih dirawat di Hospital Port Dickson apabila mengalami pening kepala serta lemah badan selepas memakan kupang," katanya.

Kerani di Balai Nelayan Teluk Kemang, Nurul Hidayah Salahudin, 39, berkata, dia biasanya membeli antara 10 hingga 20 kilogram kupang untuk dibuat rendang.

"Tahun ini, kami tidak dapat menyediakan rendang dan berharap isu ini segera selesai.

"Kami sanggup menunggu hingga isu ini selesai kerana yang penting, selepas ini, ia tidak mendatangkan isu kesihatan," katanya.

Sementara itu, pengusaha kupang, Mohd Khairul berkata, dia hanya membantu perusahaan ternakan kupang yang diusahakan sejak enam tahun lalu.

"Ini julung kali pengusaha kupang diuji dengan keadaan yang mana kami terpaksa menghentikan pengeluaran kupang akibat isu ini.

"Bagaimanapun, kami tetap beri kerjasama dan berharap pihak berkuasa dapat menyelesaikan punca masalah ini," katanya.

Pada masa sama, katanya, semua pengusaha kupang bersedia dengan segala kemungkinan malah bersyukur kerana setakat ini, kupang yang diternak masih hidup.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	4.4.2024

Lumpuh selepas jamah kupang bertoksik



Pihak berkuasa mengambil sampel kupang dan kerang sekitar perairan Port Dickson untuk dianalisa.

Enam individu lain dimasukkan ke hospital akibat keracunan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
PORT DICKSON

Lapan individu terpaksa dikejarkan ke hospital termasuk dua daripadanya dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas mengalami keracunan dipercayai akibat memakan kupang dibeli dari pasar di daerah ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS), Datuk Dr Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian dikesan pada 1 April lalu apabila Hospital Port Dickson menerima dua kes dimasukkan ke ICU manakala lima kes ditempatkan di wad biasa sementara satu kes dirawat sebagai pesakit luar.

"Siasatan awal mendapati semua kes terdiri daripada beberapa keluarga berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang dibeli dari dua pasar sekitar daerah ini," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pesakit mengalami gejala sakit kepala, kebas kaki dan tangan serta lemah otot.

"Dua kes ditempatkan ke ICU kerana mengalami gejala lebih teruk iaitu paralisis (kelumpuhan).

"Siasatan lanjut berkenaan kejadian ini masih dijalankan pihak kesihatan bersama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) termasuk mengambil beberapa sampel untuk analisa makmal," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPNS,

Kasim Tawe berkata, keputusan makmal bagi sampel kupang dan air laut di Port Dickson dijangka diketahui pada Khamis.

"Menurut Kasim, pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada penternak kupang untuk tidak mengutip dan menjualnya sehingga keputusan makmal diperolehi," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Menurutnya, kes serupa itu tidak pernah direkodkan berlaku di perairan Port Dickson sebelum ini.

"Terdapat 19 penternak kupang berdaftar di daerah ini yang menghasilkan sekitar empat tan setahun atau 300 kilogram sebulan," katanya.

Dalam pada itu, penternak kupang sekitar Pasir Panjang akur dengan larangan menjual dan mengeluarkan kupang serta kerang seperti diarahkan JPNS.

Penternak, Mohd Hairul Mohd Rashid, 32, terpaksa membatalkan 532 kilogram (kg) tempahan pengeluarannya disebabkan kes ke-



DR HARLINA

KASIM

racunan yang berlaku.

"Rugi memang rugi, tapi ini soal melibatkan nyawa. Nyawa tak boleh dibeli dan jika berlaku apa-apa, kita yang perlu bertanggungjawab.

"Jika setiap kali Aidilfitri kami buat rendang kupang atau kerang tapi nampaknya kali ini tiadalah," katanya.

Menurutnya, kejadian itu sememangnya mengejutkan kerana kali pertama berlaku.

"Saya tidak pasti apa punca sebenar (keracunan) tetapi kebanyakan penternak mendakwa menjumpai lebih banyak kerang mati berbanding kupang," katanya.



Beberapa individu dirawat selepas mengalami keracunan makanan disyaki akibat memakan kupang dan kerang bertoksik yang diperolehi di sekitar perairan Port Dickson. Gambar hiasan

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	31	4/4/2024

Nelayan terjejas susulan kejadian kupang beracun

PORT DICKSON: Kejadian keracunan makanan yang dikaitkan dengan pengambilan kupang menyebabkan pendapatan puluhan nelayan di kawasan Sungai Sekawang dan Kampung Telok di Pasir Panjang di sini terjejas.

Mereka tidak dapat membawa naik hasil termasuk kerang dari laut selepas arahan diterima untuk tidak menjalankan aktiviti tersebut susulan kejadian berkenaan.

Seorang nelayan, Mohd. Nizam Zakaria, 40, memberitahu, sebelum ini memang mereka menyedari terdapat banyak kerang yang mati dan keadaan itu sangat jarang berlaku.

"Memang agak menyedihkan terutama permintaan terhadap kerang di kawasan ini tinggi menjelang musim perayaan. Hasil ada, namun tidak

boleh dijual, apa pun kami akur dengan arahan demi kebaikan bersama," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Teluk di sini.

Seorang lagi nelayan, Othman Sulaiman, 40, pula berkata, untuk minggu ini sahaja dia menerima tempahan daripada pembeli dan peraih untuk hasil kerang berjumlah hampir RM10,000.

"Sekarang semua tempahan terpaksa dibatalkan, ikutkan inilah waktunya untuk mendapat lebih pendapatan ketika permintaan terhadap kerang meningkat. Untuk mendapatkan hasil lain seperti udang juga kini agak susah.

"Memang sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini tidak seperti biasa. Saya harap pihak berwajib dapat melakukan siasatan bagi mencari punca seba-

nar," katanya lagi.

Semalam, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan memaklumkan terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal di sini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian keracunan tersebut mula dikesan kelmarin apabila Pejabat Kesihatan Daerah menerima notifikasi daripada Hospital Port Dickson.

Menurutnya, sebanyak dua kes dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala lima ke wad biasa dan satu kes sebagai pesakit luar.

Katanya, siasatan awal mendapati kesemua dari beberapa keluarga berbeza mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sini.

Keputusan analisis kes kupang beracun dijangka 3 hingga 5 hari

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) dijangka mengeluarkan keputusan penuh analisis makmal terhadap kes kupang beracun di Port Dickson dalam beberapa hari lagi.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, makmal agensi tersebut masih

melakukan kajian terhadap sampel kes tersebut.


"Sebenarnya ada tiga analisis yang perlu dilaksanakan dengan ujian identifikasi plankton perlu tempoh paling kurang tiga hari manakala mikrobiologi pula lima hari," jelasnya.

Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan kelmarin memak-

lumkan pihaknya mengesan ada insiden keracunan itu menerusi notifikasi dari Hospital Port Dickson pada Isnin lalu.

Siasatan awal mendapati kesemua kes melibatkan beberapa keluarga yang memiliki sejarah pernah memakan kupang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah Port Dickson.

Jabatan Perikanan Melaka arah henti sementara jual kupang



PETALING JAYA: Jabatan Perikanan Melaka mengarahkan semua pengusaha dan penternak menghentikan pengeluaran serta penjualan kupang dari perairan di negeri itu.

Pengarah Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon mengeluarkan arahan tersebut susulan berlaku kes keracunan makanan akibat makanan laut itu oleh Hospital Port Dickson di Negeri Sembilan.

“Merujuk kepada maklumat diterima daripada Hospital Port Dickson, berlaku kes keracunan makanan yang disyaki berpunca daripada pengambilan sumber kupang dari perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

“Sehubungan dengan itu, pengusaha dan penternak kupang melalui sistem pancang, rak dan p-line dari perairan Melaka adalah diminta untuk menghentikan sementara pengeluaran, penjualan dan pengambilan sumber kupang ini dari perairan Melaka,” katanya dalam kenyataan.

Fauzi berkata, larangan itu bersifat sementara sehingga siasatan yang sedang dijalankan oleh Jabatan Perikanan negeri selesai.

Terdahulu Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan memaklumkan terdapat kejadian keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang yang membabitkan lapan kes di Port Dickson.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Dr Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian ini mula dikesan apabila Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson menerima notifikasi dari Hospital Port Dickson.

Dalam kejadian pada Selasa lalu, lapan individu dilaporkan terpaksa mendapatkan rawatan di hospital dengan dua daripadanya dirawat di unit rawatan rapi selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di Port Dickson.

Frcs Malaysia Today

DOF giat jalankan analisis kenal pasti keracunan kupang di Port Dickson



KUALA LUMPUR – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) masih menjalankan analisis makmal terhadap kupang di perairan Port Dickson untuk mengesahkan sama ada terdapat kehadiran alga berbahaya.

Keputusan analisis dijangka dapat diketahui hari ini, katanya dalam satu kenyataan.

DOF sebelum ini telah mengambil langkah awal dengan mengeluarkan larangan sementara bagi menjual dan mengeluarkan kupang ternakan samada melalui sistem panggar atau pancang.

OF juga sentiasa melaksanakan pemantauan keselamatan kerang-kerangan di Malaysia secara berjadual di bawah Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (National Shellfish Sanitation Program – NSSP) yang melibatkan sampel ternakan dan liar.

Orang ramai juga diminta melaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri/ Daerah yang berdekatan jika melihat perubahan warna air laut yang mencurigakan. –

MalaysiaGazette

Kupang beracun di PD: Keputusan analisis makmal diketahui esok - DOF



PUTRAJAYA: Keputusan analisis makmal sama ada terdapat kehadiran alga berbahaya terhadap kupang di perairan Port Dickson, Negeri Sembilan dijangka diketahui esok, kata Jabatan Perikanan (DOF).

Dalam kenyataan hari ini, DOF memaklumkan pihaknya masih menjalankan analisis makmal terhadap kupang di perairan Port Dickson.

"DOF sebelum ini telah mengambil langkah awal dengan mengeluarkan larangan sementara bagi menjual dan mengeluarkan kupang ternakan sama ada melalui sistem panggar atau pancang," menurut kenyataan itu.

DOF sentiasa melaksanakan pemantauan keselamatan kerang-kerangan di Malaysia secara berjadual di bawah Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP) yang melibatkan sampel kerang-kerangan ternakan dan liar.

"Orang ramai juga diminta melaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri atau Daerah yang berdekatan jika melihat perubahan warna air laut yang mencurigakan," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, DOF Negeri Sembilan dilapor telah mengambil sampel kupang dan air di perairan Port Dickson susulan dakwaan berlaku kes keracunan makanan akibat makanan laut itu. Pengurusan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang dilapor mengeluarkan hebahan larangan membeli serta memakan kupang dan kerang tempatan buat sementara waktu berikutan terdapat kes keracunan makanan disyaki berpunca daripada memakan kupang dan kerang dari perairan Port Dickson. – **The Sun**

Kupang beracun di PD: Keputusan analisis makmal diketahui esok - DoF



PUTRAJAYA: Keputusan analisis makmal sama ada terdapat kehadiran alga berbahaya terhadap kupang di perairan Port Dickson, Negeri Sembilan dijangka diketahui esok, kata Jabatan Perikanan (DoF).

Dalam kenyataan hari ini, DoF memaklumkan pihaknya masih menjalankan analisis makmal terhadap kupang di perairan Port Dickson.

"DoF sebelum ini telah mengambil langkah awal dengan mengeluarkan larangan sementara bagi menjual dan mengeluarkan kupang ternakan sama ada melalui sistem panggar atau pancang," menurut kenyataan itu.

DoF sentiasa melaksanakan pemantauan keselamatan kerang-kerangan di Malaysia secara berjadual di bawah Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP) yang melibatkan sampel kerang-kerangan ternakan dan liar.

"Orang ramai juga diminta melaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri atau Daerah yang berdekatan jika melihat perubahan warna air laut yang mencurigakan," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, DoF Negeri Sembilan dilapor telah mengambil sampel kupang dan air di perairan Port Dickson susulan dakwaan berlaku kes keracunan makanan akibat makanan laut itu.

Pengurusan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang dilapor mengeluarkan hebahan larangan membeli serta memakan kupang dan kerang tempatan buat sementara waktu berikutan terdapat kes keracunan makanan disyaki berpunca daripada memakan kupang dan kerang dari perairan Port Dickson.

- BERNAMA